



Headline: Guru rugi RM284,800 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 19 July 2022

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Guru rugi RM284,800 diperdaya Macau Scam

BINTULU: Seorang guru terkilan melihat RM284,800 dalam akaun banknya lesap selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintendan Batholomew Umpit berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu daripada mangsa seorang wanita berusia 42 tahun pada 15 Julai lalu.

"Menurut mangsa, dia menerima panggilan individu tidak dikenali daripada sebuah syarikat insurans pada 14 Januari lalu yang mana mangsa dikatakan ada membuat tuntutan insurans kemalangan sebanyak RM68,000. "Mangsa seterusnya disambungkan kepada suspek yang menyamar sebagai polis dari Balai Polis Pudu untuk membuat penafian tuntutan insurans itu," katanya dalam kenyataan media semalam.

Tambah beliau, suspek kemudian memaklumkan bahawa mangsa dipercayai terlibat dalam pengubahan wang haram kerana terdapat 25 akaun bank atas namanya telah dibuka.

"Untuk menyelesaikan masalah tersebut, mangsa diminta berurusan dengan seorang individu kononnya pendakwa raya dan juga pegawai bawahan suspek selepas dia berjanji akan membantu mangsa membersihkan namanya dengan syarat patuh akan segala arahan.

"Mangsa diarahkan membuka akaun bank dan menukar kad Mesin Teler Automatik (ATM) serta membeli nombor telefon baharu untuk kegunaan pendaftaran pada

akaun bank tersebut," jelasnya.

Ujarnya lagi, mangsa yang mempercayai suspek telah bertindak mengeluarkan wang simpanan ASB sebelum memindahkannya ke akaun bank baharu itu.

"Mangsa juga diarahkan membuat pinjaman peribadi di dua bank berbeza dan kemudian memindahkan wang tersebut ke akaun bank yang sama.

"Seterusnya mangsa juga telah diarahkan untuk menggadai emas miliknya yang mana wang tersebut turut diminta untuk dimasukkan ke akaun bank terbabit," kata Batholomew.

Pada masa sama, menurutnya, mangsa tidak dibenarkan membuat semakan pada akaun bank tersebut atas alasan akan mengganggu proses pembersihan namanya. "Mangsa hanya menyedari diri telah ditipu selepas menerima surat daripada bank berkenaan menyatakan akaun banknya telah dibekukan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti mencurigakan.

"15 Julai lepas, mangsa membuat semakan dan mendapati baki dalam akaun banknya tinggal RM72.43 serta wang yang dipindahkan ke akaun itu sebelum ini berjumlah RM284,800 telah dipindahkan ke akaun-akaun lain yang tidak dikenali.

"Selain itu, antara Januari hingga Julai, didapati sejumlah wang dimasukkan ke dalam akaun mangsa daripada akaun tidak dikenali tapi dipindah keluar semula," ujarnya.